



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

08.10.2021

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsikan pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

- ❖ **Juruaudit perlu telus memberikan sebab di sebalik peletakan jawatan mereka secara sukarela**

Peletakan jawatan juruaudit luar Lysaght Galvanized Steel Bhd iaitu Ernst & Young PLT (EY) hanya dua hari selepas dilantik semula pada mesyuarat agung tahunan Syarikat yang ke-42 pada 27 September telah menimbulkan persoalan dan tanda tanya. Pemegang saham minoriti turut tertanya-tanya kerana tiada alasan yang jelas diberikan di sebalik peletakan jawatan tersebut.

Pelantikan EY sebagai juruaudit Lysaght telah diluluskan oleh pemegang saham sewaktu mesyuarat agung tahunan dengan kadar kelulusan 74.7%. Oleh yang demikian, EY sepatutnya memegang jawatan sebagai juruaudit luar Lysaght sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Walau bagaimanapun, dalam pemfailan kepada bursa saham bertarikh 1 Oktober, Lysaght menyatakan bahawa pihaknya telah menerima notis secara bertulis daripada EY yang menyatakan keputusan mereka untuk menamatkan perkhidmatan mulai 29 September menurut Seksyen 281(1) Akta Syarikat 2016.

Seksyen 281(1) Akta Syarikat 2016 menyatakan bahawa juruaudit boleh meletak jawatan dengan memberikan notis peletakan jawatan kepada syarikat di pejabat berdaftarnya. Dengan berbuat demikian, tempoh pemegangan jawatan juruaudit akan berakhir selepas 21 hari dari tarikh penyerahan notis atau dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.

Menurut Lysaght, "Peletakan jawatan EY dibuat secara sukarela. Lembaga tidak mengetahui apa-apa perkara yang perlu dikemukakan kepada pemegang saham syarikat."

Lysaght menambah bahawa ia akan melantik firma audit lain sebagai juruaudit baharu syarikat dan akan membuat pengumuman segera selepas memuktamadkan pelantikan tersebut.

Berani dan telus

Walaupun peletakan jawatan EY sebagai juruaudit Lysaght secara sukarela bukanlah suatu kesalahan, namun pasti timbul persoalan tentang tindakan mereka mendapatkan pelantikan semula dalam mesyuarat agung tahunan terdahulu.

Memandangkan peletakan jawatan ini tidak melibatkan apa-apa unsur kesalahan, juruaudit luar perlu lebih telus memberikan sebab di sebalik tindakan mereka dan tidak membuatkan pelabur dan pemegang saham berteka-teki atau membuat spekulasi tentang sebab peletakan jawatan tersebut.

Pastinya juruaudit luar bertanggungjawab terhadap pemegang saham yang melantik mereka dengan menyatakan sebab-sebab mereka menamatkan perkhidmatan.

Meninjau tindakan peletakan jawatan juruaudit luar yang lain, Pimpinan Ehsan Bhd mengumumkan pada 3 Jun bahawa juruauditnya BDO PLT telah meletakkan jawatan secara sukarela dan kumpulan tersebut telah mencadangkan pelantikan Crowe Malaysia PLT sebagai juruaudit baharu.

Dalam pemfailan kepada Bursa Malaysia, Pimpinan Ehsan menyatakan bahawa BDO, yang dilantik semula sebagai juruauditnya dalam mesyuarat agung luar biasa yang diadakan pada bulan Jun 2020, sepatutnya memegang jawatan sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan syarikat yang berikutnya pada tahun 2021.

"Kecuali yang disebutkan di atas, lembaga pengarah tidak mengetahui hal-hal lain yang perlu dikemukakan kepada pemegang saham syarikat," tambah Pimpinan Ehsan.

Walau bagaimanapun, dalam satu kejadian serupa, pengeluar ayam dan telur Lay Hong Bhd menyatakan sebab bekas juruauditnya Ong Boon Bah & Co (OBB & Co) menamatkan perkhidmatan secara sukarela sebagai juruaudit syarikat pada 27 November 2019.

Dalam pemfailan kepada Bursa Malaysia, Lay Hong menyatakan bahawa peletakan jawatan OBB & Co adalah semata-mata disebabkan niat firma itu untuk menarik balik pendaftarannya dengan Lembaga Pengawasan Audit (AOB) dan bukannya sebab-sebab lain.

Oleh yang demikian, OBB & Co tidak lagi layak dilantik sebagai juruaudit luar untuk syarikat awam tersenarai.

Begitu juga Yong Tai Bhd yang begitu telus mengenai peletakan jawatan juruauditnya, Ecovis Malaysia PLT yang meletakkan jawatan pada 4 Jun 2019 disebabkan kumpulan itu berhasrat untuk melantik juruaudit lain.

"Ecovis yang pernah menjadi juruaudit syarikat telah dilantik semula pada mesyuarat agung tahunan terakhir syarikat yang diadakan pada 22 November 2018 untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan syarikat yang berikutnya. Peletakan jawatan ini dilakukan secara sukarela kerana syarikat ingin melantik juruaudit lain", jelas Yong Tai.

Kesimpulan apabila juruaudit luar menamatkan perkhidmatan sebelum tamat tempoh

Pemegang saham minoriti secara umumnya menyimpulkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena apabila juruaudit luar meletakkan jawatan pada pertengahan tempoh perkhidmatan mereka lebih-lebih lagi apabila tiada alasan diberikan untuk peletakan jawatan tersebut oleh syarikat atau juruaudit luar. Selalunya kita diberikan alasan yang standard oleh syarikat bahawa juruaudit luar menamatkan perkhidmatan secara sukarela dan selalunya juruaudit luar tidak menyatakan sebab-sebab mereka menamatkan perkhidmatan. Antara alasan peletakan jawatan yang pernah diberikan adalah disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja oleh juruaudit luar. Namun begitu, alasan ini sukar diterima kerana salah satu kriteria untuk didaftarkan dengan AOB adalah memiliki tenaga kerja yang mencukupi.

Juruaudit luar berperanan sebagai penyaring maklumat dalam sesebuah ekosistem tadbir urus korporat. Maka adalah munasabah jika kita ingin mengetahui alasan sebenar di sebalik peletakan jawatan juruaudit luar daripada syarikat ataupun daripada juruaudit luar itu sendiri. Bukankah anda telah dilantik oleh pemegang saham? Oleh yang demikian, bukankah anda perlu memberikan alasan yang munasabah jika anda memilih untuk menamatkan perkhidmatan?

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 11 hingga 15 Oktober 2021

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
15.10.21 (Jumaat) 09.00 pagi	MAG Holdings Bhd (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan persetujuan pemegang saham untuk cadangan terbitan bonus sehingga 471.68 juta waran pada asas 1 waran untuk setiap 4 saham biasa MAG sedia ada yang dipegang oleh pemegang saham MAG yang berhak.

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.